



28 Jun 2019
28 June 2019
P.U. (A) 175

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(SEKATAN KE ATAS
KEBOLEHPOTONGAN FAEDAH) 2019

*INCOME TAX
(RESTRICTION ON DEDUCTIBILITY OF INTEREST)
RULES 2019*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (SEKATAN KE ATAS
KEBOLEHPOTONGAN FAEDAH) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(*ed*) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Sekatan ke atas Kebolehpotongan Faedah) 2019**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2019.

Pemakaian dan ketidakpakaian

2. (1) Kaedah-Kaedah ini terpakai—

(*a*) bagi orang yang telah diberikan apa-apa bantuan kewangan dalam transaksi terkawal dan jumlah amaun apa-apa perbelanjaan faedah bagi semua bantuan kewangan itu melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; dan

(*b*) berkenaan dengan tempoh asas yang bermula pada atau selepas 1 Julai 2019 dan tempoh-tempoh asas yang berikutnya.

(2) Jika Ketua Pengarah mengarahkan bahawa tempoh asas bagi suatu tahun taksiran hendaklah terdiri daripada suatu tempoh atau tempoh-tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu, jumlah amaun perbelanjaan faedah bagi bantuan kewangan itu bagi tempoh atau tempoh-tempoh itu hendaklah disifatkan sebagai terakru sama rata sepanjang tempoh atau tempoh-tempoh itu.

(3) Walau apa pun subkaedah (1), Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi—

(*a*) seorang individu

- (b) suatu bank berlesen, bank pelaburan berlesen, penanggung insurans berlesen dan penanggung insurans semula profesional sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*];
- (c) suatu bank Islam berlesen, pengendali takaful berlesen dan pengendali takaful semula profesional sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*];
- (d) suatu bank Labuan dan bank pelaburan Labuan yang dilesenkan di bawah Bahagian VI Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*];
- (e) suatu bank Islam Labuan dan bank pelaburan Islam Labuan yang dilesenkan di bawah Bahagian VI Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [*Akta 705*];
- (f) seorang penanggung insurans Labuan dan penanggung insurans semula termasuk perniagaan insurans kaptif Labuan yang dilesenkan di bawah Bahagian VII Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010;
- (g) seorang pengendali takaful Labuan dan pengendali takaful semula Labuan termasuk perniagaan takaful kaptif Labuan yang dilesenkan di bawah Bahagian VII Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010;
- (h) suatu institusi kewangan pembangunan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];

- (i) seorang kontraktor pembinaan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Kontrak Pembinaan) 2007 [*P.U. (A) 276/2007*];
- (j) seorang pemaju harta sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Pemajuan Harta) 2007 [*P.U. (A) 277/2007*];
- (k) seseorang yang telah diberikan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta berkenaan dengan pendapatan larasan orang itu.

Tafsiran

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bantuan kewangan”, “perbelanjaan faedah” dan “transaksi terkawal” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 140c Akta;

“cukai-EBITDA” ertinya suatu amaun yang ditentukan di bawah kaedah 5;

“EBITDA” ertinya pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan.

Amaun faedah maksimum

4. Amaun faedah maksimum yang disebut dalam seksyen 140c Akta hendaklah suatu amaun yang bersamaan dengan dua puluh peratus cukai-EBITDA orang itu daripada setiap puncanya yang terdiri daripada perniagaan bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

Penentuan cukai-EBITDA

5. (1) Amaun cukai-EBITDA hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

A + B + C

- iaitu
- A ialah amaun pendapatan larasan orang itu daripada sumbernya yang terdiri daripada perniagaan bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran sebelum apa-apa sekatan ke atas kebolehpotongan faedah di bawah seksyen 140c Akta dibuat;
- B ialah jumlah amaun potongan kelayakan yang dibenarkan dalam menentukan amaun pendapatan larasan dalam A;
- C ialah jumlah amaun perbelanjaan faedah yang dilakukan berhubung dengan pendapatan kasar orang itu bagi apa-apa bantuan kewangan dalam transaksi terkawal daripada puncanya yang terdiri daripada perniagaan bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

(2) Dalam kaedah ini, “potongan kelayakan” ertinya—

- (a) suatu amaun yang bersamaan dengan amaun perbelanjaan yang dilakukan oleh orang itu yang dihitung dalam apa-apa potongan yang kena dibuat di bawah Akta yang amaun potongan itu ialah dua kali ganda amaun perbelanjaan yang dilakukan oleh orang itu;
- (b) apa-apa tuntutan bagi potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah perenggan 154(1)(b) Akta yang potongan itu dibenarkan bagi maksud menentukan pendapatan larasan orang itu.

Bawa ke depan perbelanjaan faedah

6. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), dalam hal suatu syarikat, jika syarikat itu mempunyai perbelanjaan faedah yang melebihi amaun faedah maksimum sebagaimana yang ditentukan di bawah kaedah 4 bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, amaun lebihan itu hendaklah dibenarkan untuk dibawa ke depan dan dipotong terhadap pendapatan larasan syarikat itu bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya tertakluk kepada amaun faedah maksimum yang ditentukan di bawah kaedah 4 bagi tahun taksiran yang berkenaan walaupun syarikat itu tiada perbelanjaan faedah bagi mana-mana tahun taksiran yang berikutnya, sehingga keseluruhan amaun lebihan itu telah digunakan sepenuhnya.

(2) Lebihan amaun faedah maksimum bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dan apa-apa lebihan amaun faedah maksimum yang dibawa ke depan daripada mana-mana tahun taksiran tertentu sebelum tahun itu hendaklah dibenarkan untuk dibawa ke depan jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa pemegang syer syarikat itu pada hari pertama dan hari terakhir tempoh asas bagi tahun taksiran selepas tahun taksiran yang amaun itu ditentukan adalah sebahagian besarnya sama.

(3) Bagi maksud subkaedah (2)—

(a) pemegang syer syarikat itu pada mana-mana tarikh adalah sebahagian besarnya sama dengan pemegang syer pada mana-mana tarikh lain jika pada kedua-dua tarikh tersebut—

(i) lebih daripada lima puluh peratus modal berbayar berkenaan dengan syer biasa syarikat itu dipegang oleh atau bagi pihak orang yang sama; dan

(ii) lebih daripada lima puluh peratus nilai syer yang diumpukkan berkenaan dengan syer biasa dalam syarikat itu dipegang oleh atau bagi pihak orang yang sama; dan

(b) syer dalam syarikat itu yang dipegang oleh atau bagi pihak syarikat yang lain hendaklah disifatkan sebagai dipegang oleh pemegang syer syarikat yang terakhir disebut.

(4) Dalam subkaedah (3), “syer biasa” ertinya apa-apa syer selain suatu syer yang hanya membawa hak bagi apa-apa dividen yang merupakan—

(a) suatu amaun tetap atau pada suatu kadar tetap peratus nilai syer itu; atau

(b) suatu kadar tetap peratus keuntungan syarikat itu.

Dibuat 24 Jun 2019
[Perb.MOF.TAX(S)700-2/3/49; PN(PU2)80/XCIV]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (RESTRICTION ON DEDUCTIBILITY OF INTEREST) RULES 2019

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(*ed*) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Restriction on Deductibility of Interest) Rules 2019**.

(2) These Rules come into operation on 1 July 2019.

Application and non-application

2. (1) These Rules shall apply—

(*a*) to a person who has been granted any financial assistance in a controlled transaction and the total amount of any interest expense for all such financial assistance exceeds five hundred thousand ringgit (RM500,000.00) in the basis period for a year of assessment; and

(*b*) in respect of the basis period beginning on or after 1 July 2019 and subsequent basis periods.

(2) Where the Director General directs that the basis period for a year of assessment shall consist of a period or periods as specified in the direction, the total amount of interest expense for such financial assistance for the period or periods shall be deemed to accrue evenly over that period or periods.

(3) Notwithstanding subrule (1), these Rules shall not apply to—

(*a*) an individual;

- (b) a licensed bank, licensed investment bank, licensed insurer and professional reinsurer as defined under the Financial Services Act 2013 [*Act 758*];
- (c) a licensed Islamic bank, licensed takaful operator and professional retakaful operator as defined under the Islamic Financial Services Act 2013 [*Act 759*];
- (d) a Labuan bank and Labuan investment bank licensed under Part VI of the Labuan Financial Services and Securities Act 2010 [*Act 704*];
- (e) a Labuan Islamic bank and Labuan Islamic investment bank licensed under Part VI of the Labuan Islamic Financial Services and Securities Act 2010 [*Act 705*];
- (f) a Labuan insurer and reinsurer including a Labuan captive insurance business licensed under Part VII of the Labuan Financial Services and Securities Act 2010;
- (g) a Labuan takaful operator and retakaful operator including a Labuan captive takaful business licensed under Part VII of the Labuan Islamic Financial Services and Securities Act 2010;
- (h) a development financial institution which is prescribed under the Development Financial Institutions Act 2002 [*Act 618*];
- (i) a construction contractor as defined under the Income Tax (Construction Contracts) Regulations 2007 [*P.U. (A) 276/2007*];
- (j) a property developer as defined under the Income Tax (Property Developer) Regulations 2007 [*P.U. (A) 277/2007*];

- (k) a person who has been granted an exemption under paragraph 127(3)(b) or subsection 127(3A) of the Act in respect of the adjusted income of the person.

Interpretation

3. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“financial assistance”, “interest expense” and “controlled transaction” have the meanings assigned to them under section 140c of the Act;

“tax-EBITDA” means an amount ascertained under rule 5;

“EBITDA” means earnings before interest, taxes, depreciation and amortisation.

Maximum amount of interest

4. The maximum amount of interest referred to in section 140c of the Act shall be an amount equal to twenty per cent of the amount of tax-EBITDA of that person from each of his sources consisting of a business for the basis period for a year of assessment.

Ascertainment of tax-EBITDA

5. (1) The amount of tax-EBITDA shall be ascertained in accordance with the following formula:

$$A + B + C$$

where A is the amount of the adjusted income of the person from his sources consisting of a business for the basis period for a year of assessment before any restriction on deductibility of interest under section 140c of the Act is made;

B is the total amount of qualifying deductions allowed in ascertaining the amount of the adjusted income in A;

C is the total amount of interest expense incurred in relation to the gross income of the person for any financial assistance in a controlled transaction from his sources consisting of a business for the basis period for a year of assessment.

(2) In this rule, “qualifying deduction” means—

(a) an amount equal to the amount of expenditure incurred by the person computed in any deduction falling to be made under the Act where the amount of deduction is twice the amount of the expenditure incurred by a person;

(b) any claim for deduction under any rules made under paragraph 154(1)(b) of the Act where the deduction is allowed for purposes of ascertaining the adjusted income of the person.

Carry forward of interest expense

6. (1) Subject to subrule (2), in the case of a company, where the company has interest expense which is in excess of the maximum amount of interest as ascertained under rule 4 for a basis period for a year of assessment, the amount of that excess shall be allowed to be carried forward and deducted against the adjusted income of the company for the subsequent years of assessment subject to the maximum amount of interest ascertained under rule 4 for the relevant year notwithstanding that the company has no interest expense for any subsequent year of assessment, until the whole amount of that excess has been fully utilized.

(2) The excess of the maximum amount of interest for a basis period for a year of assessment and any excess of the maximum amount of interest carried forward from any particular year of assessment preceding that year shall be allowed to be carried forward if the Director General is satisfied that the shareholders of that company on the first day and the last day of the basis period for the year of assessment following the year in which such amount was ascertained were substantially the same.

(3) For the purpose of subrule (2)—

(a) the shareholders of the company at any date shall be substantially the same as the shareholders at any other date if on both those dates—

(i) more than fifty per cent of the paid-up capital in respect of the ordinary share of the company is held by or on behalf of the same persons; and

(ii) more than fifty per cent of the value of the allotted shares in respect of ordinary share in the company is held by or on behalf of the same persons; and

(b) shares in the company held by or on behalf of another company shall be deemed to be held by the shareholders of the last mentioned company.

(4) In subrule (3), “ordinary share” means any share other than a share which carries only a right to any dividend which is of—

(a) a fixed amount or at a fixed rate per cent of the value of the shares;
or

(b) a fixed rate per cent of the profits of the company.

Made 24 June 2019
[Perb. MOF.TAX(S)700-2/3/49; PN(PU2)80/XCIV]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the
Income Tax Act 1967]*